

SIARAN MEDIA

Untuk Siaran Segera

BANK ISLAM BEKERJASAMA DENGAN NOMURA ASSET MANAGEMENT

Memperluas Penawaran Produk Patuh Syariah

KUALA LUMPUR, Khamis, [26 September 2024]: Bank Islam Malaysia Berhad (Bank Islam) telah memeterai kerjasama dengan Nomura Asset Management Malaysia (Nomura) sebagai rakan pengurus aset, menandakan kerjasama langsung pertama Bank Islam dengan firma pengurusan aset global. Kerjasama strategik ini memperluaskan penawaran produk patuh Syariah melalui enam (6) produk pelaburan yang ditawarkan.

Dana berkenaan termasuk Dana Ekuiti Semikonduktor Syariah Global Nomura, Dana Ekuiti Lestari Syariah Global Nomura, Dana Pertumbuhan Strategik Syariah Global Nomura, Dana i-Income Nomura, Dana i-Cash Nomura, dan Dana i-Income Nomura 2.

Pengarah Pengurusan Kekayaan Bank Islam, Datin Sarah Muttalib berkata, "Sebagai sebuah bank yang memacu kemakmuran untuk semua, kami komited dalam menyediakan penyelesaian kewangan yang inovatif dan relevan untuk para pelanggan. Nomura selari dengan nilai-nilai Bank Islam dan terkenal dengan komitmennya terhadap kelestarian dan amalan beretika yang berasaskan prinsip Alam Sekitar, Sosial, dan Tadbir Urus (ESG). Bersama-sama, kami berhasrat untuk menawarkan penyelesaian pelaburan inovatif yang memenuhi aspirasi kewangan pelanggan serta memberi sumbangan positif kepada masyarakat dan alam sekitar."

Leslie Yap, CFA, Pengarah Urusan Nomura Asset Management Malaysia Sdn. Bhd. yang juga Ketua Perniagaan Negara bagi Nomura di Malaysia berkata, "Bersama Bank Islam, Nomura memperluaskan capaiannya kepada pangkalan pelabur yang lebih luas seiring dengan peningkatan permintaan terhadap dana patuh Syariah dan mampu dalam kalangan pelabur. Sebagai rakan kerjasama yang ideal untuk mengagihkan dana kami, Bank Islam memiliki pengalaman yang luas dalam industri kewangan Islam serta rangkaian pengedaran yang kukuh."

Bank Islam menawarkan perkhidmatan kewangan yang komprehensif, disesuaikan dengan keperluan pelbagai pelanggan. Portfolionya melangkaui Pelaburan Amanah Saham, termasuk dana patuh Syariah Nomura termasuk Perlindungan Takaful, Perancangan Harta Pusaka, Produk Pasaran Modal, dan lain-lain. Bank Islam juga memperkenalkan Perbankan Kekayaan Premier, yang direka khas untuk pelanggan yang mencari tahap kepakaran yang tinggi. Dengan perkhidmatan eksklusif ini, pelanggan akan mendapat manfaat daripada nasihat kewangan peribadi, perkhidmatan pelanggan yang cemerlang, serta sokongan khusus daripada pengurus hubungan yang semuanya bertujuan untuk membantu mereka mencapai matlamat kewangan mereka.

"Di Bank Islam, kami menyediakan pelbagai produk dan perkhidmatan kewangan yang direka khas untuk memenuhi keperluan pelanggan yang semakin berkembang, daripada pengumpulan kekayaan dan perancangan perlindungan kepada strategi persaraan. Tawaran Pengurusan Kekayaan Islam kami, berteraskan konsep "Dari Buaihan ke Akhirat," yang inklusif, memenuhi keperluan pelanggan Muslim dan bukan Islam. Kami berdedikasi untuk meningkatkan peluang untuk pelabur tempatan dengan meluaskan akses kepada pilihan pelaburan patuh Syariah, memperkasakan mereka untuk membuat keputusan kewangan bermaklumat dan beretika. Hubungi kami hari ini, dan kami akan memberikan panduan yang dikhurasukan untuk membantu anda menelusuri landskap kewangan dan mencapai masa depan yang makmur untuk anda dan yang tersayang." tambah Sarah.

Menerusi kerjasama ini, dana patuh Syariah Nomura kini tersedia buat pelabur Malaysia melalui saluran agihan Bank Islam dan cawangannya di seluruh negara. Untuk maklumat lanjut mengenai cara memohon dan produk kami, sila layari www.bankislam.com/personal-banking/wealth-management/.

Mengenai Bank Islam Malaysia Berhad (No. Pendaftaran Syarikat [198301002944(98127-X)])

Bank Islam adalah institusi perbankan Islam pertama di Malaysia yang disenaraikan di Papan Utama, Bursa Malaysia Berhad. Ditubuhkan pada bulan Julai 1983, Bank Islam mempunyai 135 cawangan dan lebih 900 terminal layan diri di seluruh negara. Sebagai institusi perbankan Islam lengkap dan tulen, Bank Islam menyediakan penyelesaian perbankan runcit dan kewangan korporat yang mematuhi undang-undang dan prinsip Syariah dengan ketat. Bank Islam komited terhadap kemakmuran lestari dan nilai-nilai ESG dan merupakan peserta rasmi Rangkaian Kompak Global Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Malaysia dan Brunei. Anak-anak syarikat utama Kumpulan Bank Islam, BIMB Investment dan BIMB Securities menawarkan pelbagai perkhidmatan kewangan Islam, termasuk pelaburan dan pembrokeran saham. Untuk maklumat lanjut mengenai produk dan perkhidmatan kumpulan Bank Islam, layari www.bankislam.com.

Sila e-mel ke Hubungan Media Kumpulan Bank Islam di media@bankislam.com.my untuk mendapatkan maklumat tambahan.